

TENTANG KWSP

IDENTITI KAMI

> Tujuan

Membina masa hadapan persaraan yang lebih baik untuk Malaysia

Ditubuhkan pada tahun 1951, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja merupakan antara dana persaraan tertua dan berpengaruh di dunia. Berpegang teguh kepada komitmen untuk melindungi kesejahteraan persaraan tenaga kerja Malaysia, KWSP telah berkembang secara menyeluruh sepanjang beberapa dekad. Pada tahun laporan 2024, KWSP kini mengurus lebih daripada 16 juta ahli dan mengendalikan jumlah aset pelaburan yang melebihi RM1 trilion. Pertumbuhan ini bukan sahaja mencerminkan skala operasi KWSP yang semakin meluas, malah menunjukkan dedikasi yang tidak berbelah bahagi dalam menyediakan masa hadapan persaraan yang selamat dan terjamin buat Malaysia.



> Misi

Membantu ahli mencapai pendapatan persaraan yang selesa

> Nilai

Asas kejayaan KWSP:

**PROGRESIF**

Mengikut perubahan, menyesuaikan diri dengan cabaran, dan menggalakkan pembelajaran berterusan.

**PRIHATIN**

Memupuk budaya saling memahami, menghormati dan menghargai antara satu sama lain.

**KERJASAMA**

Menggalakkan perpaduan, kolaborasi, dan kejayaan secara kolektif.

**INTEGRITI**

Bertindak secara beretika, bertanggungjawab, dan memelihara reputasi KWSP.

MENYUSURI JEJAK KEJAYAAN KWSP (1951-2023)

1951

KWSP ditubuhkan di bawah Ordinan KWSP 1951 dan diletakkan di bawah pentadbiran Pengarah Pos Kebangsaan.

1956

KWSP telah membuat pelaburan jangka pendek dan jangka panjang dalam sekuriti Kerajaan Persekutuan, Singapura dan Majlis Tempatan.

1958

Lembaga KWSP mengambil alih pentadbiran KWSP daripada Pengarah Pos Kebangsaan.

1960

KWSP secara rasmi membuka ibu pejabat baharu di Petaling Jaya, Selangor.



1963

Ordinan KWSP dipinda dan mewajibkan majikan yang mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) orang pekerja untuk mencarum, berbanding lima (5) atau lebih pekerja.

1968

Ordinan KWSP dipinda bagi membolehkan ahli yang berumur 50 tahun mengeluarkan satu pertiga simpanannya untuk membeli rumah dan membuat persediaan untuk persaraan.

1975

Kadar caruman telah dinaikkan kepada 6% untuk pekerja dan 7% untuk majikan.

1951 hingga 1975

1977

Pindaan telah dibuat ke atas Ordinan KWSP untuk:

- Meningkatkan kadar caruman pekerja;
- Membenarkan golongan bekerja sendiri memilih untuk mencarum dengan KWSP; dan
- Membenarkan ahli mengeluarkan simpanan sehingga 10% daripada harga rumah untuk membeli rumah kos rendah.

1980

- Caruman diterima untuk tahun ini melebihi paras RM1 bilion.
- Kadar caruman pekerja dinaikkan dari 6% kepada 9% dan kadar majikan dari 7% kepada 11%.

1981

Sempena ulang tahun ke-30 KWSP, YB Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan ketika itu, telah merasmikan upacara peletakan batu asas bagi bangunan baharu KWSP setinggi 28 tingkat di Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur.

1982

Pada 22 Julai, Ordinan KWSP 1951 menjadi Akta KWSP 1951.

1983

KWSP mengisytiharkan kadar dividen tertinggi sebanyak 8.5% yang kekal hingga tahun 1987.

1991

- KWSP menyambut ulang tahun ke-40.
- Akta KWSP 1951 (Pindaan 1982) telah digantikan dengan Akta KWSP 1991 untuk meliberalisasikan peraturan pelaburan, menambah baik skim pengeluaran dan memperkukuhkan penguatkuasaan.

1977 hingga 1991

1996

KWSP melancarkan Skim Pelaburan Ahli, membolehkan ahli yang mempunyai simpanan melebihi RM55,000 dalam Akaun 1 untuk melabur dalam unit amanah melalui Institusi Pengurusan Dana yang dilantik oleh Suruhanjaya Sekuriti.

2000

KWSP memperkenalkan Skim Pengeluaran Pendidikan dan Skim Pengeluaran Pekerja Berpencen.

2004

KWSP memperkenalkan e-Kiosk di 13 negeri dan 28 pejabat cawangan di seluruh negara bagi membolehkan ahli mencetak penyata KWSP menggunakan MyKad.



2007

KWSP memperkenalkan inisiatif 'Bukan Hanya Simpanan' yang menstruktur semula akaun ahli daripada tiga (3) kepada dua (2); memperkenalkan Pengeluaran Fleksibel Umur 55 Tahun; dan membenarkan ahli yang mempunyai simpanan melebihi RM1 juta untuk menguruskan sendiri simpanan mereka.

2008

KWSP melanjutkan tempoh liabiliti bagi caruman KWSP dari umur 55 hingga 75 tahun.

2009

KWSP dianugerahkan Penarafan Kecemerlangan Lima Bintang oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

1996 hingga 2009

MENYUSURI JEJAK KEJAYAAN KWSP

2024

2010

KWSP melancarkan Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia untuk golongan bekerja sendiri dan kemudian diperluaskan kepada suri rumah.

2011

KWSP memperluaskan senarai penyakit kritikal di bawah Pengeluaran Kesihatan daripada 39 penyakit kepada 55 penyakit dan turut membenarkan ahli mengeluarkan wang simpanan untuk membeli peralatan sokongan perubatan.

2012

KWSP dianugerahkan Penarafan Kecemerlangan Lima Bintang sebagai agensi barisan hadapan teratas oleh MAMPU, buat kali kedua.

2013

- KWSP memperkenalkan e-Caruman, kemudahan dalam talian yang membolehkan majikan mencarum melalui i-Akaun di laman web KWSP.
- e-Pengeluaran diperkenalkan, membenarkan ahli KWSP mengemukakan permohonan pengeluaran secara dalam talian melalui i-Akaun mereka.

2014

KWSP turut memperkenalkan Khidmat Nasihat Persaraan di pejabat cawangan Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur dan Jalan Gasing, Petaling Jaya.

2016

KWSP memperkenalkan Simpanan Syariah, satu inisiatif yang membolehkan ahli memilih untuk simpanan diuruskan dan dilaburkan mengikut prinsip Syariah.



2010 hingga 2016

2018

YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri ketika itu, melancarkan Caruman Sukarela i-Suri di Persidangan Antarabangsa Keselamatan Sosial 2018.



2019

- Menteri Kewangan ketika itu, YB Lim Guan Eng, melancarkan Belanjawanku: Panduan Perbelanjaan untuk Individu dan Keluarga di Malaysia, hasil kolaborasi KWSP bersama Pusat Penyelidikan Kesejahteraan Sosial, Universiti Malaya.
- KWSP mengumumkan penandatanganan Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab yang disokong Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PRI) sebagai komitmen terhadap pelaburan beretika dan amalan terbaik ESG.
- i-Invest dilancarkan pada bulan September, KWSP terus menyampaikan nilai kepada ahli dalam menuju ke arah masa hadapan digital.

2020

- Kadar caruman berkanun bagi pekerja dikurangkan daripada 11% kepada 7% bermula bulan April hingga Disember 2020 disebabkan oleh pandemik COVID-19.
- KWSP melancarkan beberapa inisiatif untuk membantu ahli, majikan dan perniagaan menghadapi kesan pandemik COVID-19: kemudahan Pengeluaran i-Lestari, Khidmat Nasihat Majikan, Program Bantuan Majikan COVID-19 (e-CAP), dan kemudahan Pengeluaran i-Sinar.

2018 hingga 2020

2021

- KWSP telah melancarkan dana Akaun Terurus Berasingan (SMA) Pelaburan Langsung/ Pelaburan Ekuiti Persendirian patuh Syariah yang pertama dan terbesar di dunia.
- Pengeluaran i-Citra diperkenalkan untuk membantu ahli KWSP yang terjejas akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

2022

- KWSP secara rasminya telah membuka ibu pejabat baharu di Kwasa Damansara, Selangor.
- YB Tengku Zafrul, Menteri Kewangan melancarkan Dasar Pelaburan Lestari KWSP dan Ikrar oleh Pengurus Dana Luaran.
- KWSP melancarkan inisiatif i-Lindung, suatu platform layan diri dalam i-Akaun (Ahli) yang memudahkan proses pembelian produk perlindungan di bawah Pelan Perlindungan Ahli (PPA).

2023

- KWSP melancarkan inisiatif i-Sayang yang telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia, bersempena dengan Hari Wanita Antarabangsa yang diadakan di Dewan Felda Perdana, Jalan Semarak.
- Pelancaran aplikasi mudah alih i-Akaun di Persidangan Kesejahteraan Sosial Antarabangsa (ISWC) 2023 oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim.
- Pelancaran Menara KWSP di Kwasa Damansara, Selangor, yang telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim.



2021 hingga 2023

PERISTIWA PENTING 2024



30 Januari 2024

Kerjasama Inovasi bersama rakan GLIC



14 Februari 2024

Pelancaran Buku Panduan Pegawai Pemeriksa, Edisi Kedua 2024



27 Februari 2024

Townhall Ketua Pegawai Eksekutif



2 Mac 2024

MTUC Menawarkan Kerjasama Bersama KWSP untuk Mendidik Orang Awam Mengenai Literasi Kewangan



3 Mac 2024

Taklimat Prestasi Kewangan 2023



2-5 Mei 2024

EPF Management Conference 2024: Masa Hadapan Lestari: Dari Tujuan kepada Tindakan



24 Mei 2024

Majlis Anugerah Tahunan Pengurus Dana Luaran (EFM) 2024



4-6 Jun 2024

Persidangan Kesejahteraan Sosial Antarabangsa (ISWC) 2024



20 Jun 2024

Perasmian KWSP Pasir Gudang



30 Jun 2024

Karnival Jom Heboh, Melaka



2 Julai 2024

Kerjasama Strategik antara KWSP dan Pekerja Ekonomi Gig



17 Julai 2024

Hari Kelestarian KWSP 2024



19 Julai 2024

Perasmian KWSP Tawau



22 Julai 2024

Sesi Libat Urus Media KWSP - Wilayah Sabah



2 Ogos 2024

Kerjasama Strategik antara KWSP dan LHDN



7 Ogos 2024

Karnival Jom Heboh, Terengganu

PERISTIWA PENTING 2024

2024



26 Ogos 2024
Seminar Pelaburan KWSP 2024



26 September 2024
Sesi Liat Urus Media KWSP - Wilayah Utara



27 September 2024
Karnival Jom Heboh, Pulau Pinang



1 Oktober 2024
Sambutan Ulang Tahun KWSP ke-73



1 Oktober 2024
Pelancaran Bulan Literasi Kewangan



2-3 Oktober 2024
Simposium Literasi Kewangan Kebangsaan (NFLS) 2024



10 Oktober 2024
Pengerusi Turun Padang ke KWSP Ipoh, Pelancaran Pakaian Seragam Kaunter Perkhidmatan Baharu, SST dan Mobile KWSP



20-21 Oktober 2024
Mesyuarat Strategik KWSP (ESM) 2024



6 November 2024
Lawatan Rasmi Duta Amerika Syarikat



7 November 2024
Konvensyen Kaunseling Wilayah



11-12 November 2024
Acara Integriti GLIC (GIE) 2024



13 November 2024
Kunjungan Hormat dari Kementerian Pendidikan Tinggi



15 November 2024
Muzakarah Sekretariat Syariah GLIC 2024



16 November 2024
Sambutan Ulang Tahun ke-25 Kelab KWSP



19 November 2024
Majlis Menandatangani MoU antara KWSP dan FINAS



21 November 2024
Hari Integriti KWSP 2024




20 Disember 2024
Lawatan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Keselamatan Semenanjung Malaysia (KESPA)



27 Disember 2024
Karnival Jom Heboh, Sabah

STRUKTUR KORPORAT KUMPULAN

Setakat 31 Disember 2024



Nota:

- [^] Syarikat ini ditubuhkan pada tahun 2024.
- [#] Syarikat dalam proses penggulungan setakat 31 Disember 2024.
- Rujuk Nota 38 dan 39 pada Penyata Kewangan KWSP 2024 untuk mendapatkan senarai lengkap syarikat subsidiari, bersekutu dan usaha sama KWSP.

STRUKTUR KORPORAT KUMPULAN

2024



LOKASI OPERASI KWSP



69 CAWANGAN DAN 6 WILAYAH DI SELURUH MALAYSIA

WILAYAH TENGAH



- Shah Alam
- Petaling Jaya
- Kajang
- Klang
- Kwasa Damansara
- Puchong
- Gombak
- Rawang
- Kuala Selangor
- Pejabat Wilayah Tengah
- Kuala Lumpur
- Wangsa Maju
- Kepong
- Sri Petaling

WILAYAH UTARA



- Ipoh
- Teluk Intan
- Taiping
- Manjung
- Parit Buntar
- Kuala Kangsar
- Pejabat Wilayah Utara
- Seberang Jaya
- Georgetown
- Bayan Baru



- Alor Setar
- Sungai Petani
- Kangar
- Kulim
- Langkawi


WILAYAH SELATAN



- Pejabat Wilayah Selatan
- Johor Bahru
- Pasir Gudang
- Batu Pahat
- Muar
- Kluang
- Kulai
- Segamat
- Mersing
- Melaka
- Jasin
- Alor Gajah

LOKASI OPERASI KWSP

2024



53 LOKASI
SEMENANJUNG MALAYSIA



16 LOKASI
SABAH, SARAWAK & WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN



- Seremban
- Bahau
- Nilai



- Pejabat Wilayah Timur
- Kuantan
- Raub
- Temerloh
- Jerantut
- Pekan



- Kuala Terengganu
- Kemaman
- Dungun
- Jerteh



- Kota Bharu
- Tanah Merah
- Kuala Krai



- Pejabat Wilayah Sabah
- Kota Kinabalu
- Keningau
- Labuan
- Lahad Datu
- Tawau
- Sandakan
- Kudat
- Kota Marudu
- Beaufort



- Pejabat Wilayah Sarawak
- Kuching
- Sibul
- Miri
- Bintulu
- Sri Aman
- Sarikei
- Limbang

LOKASI OPERASI KWSP

WILAYAH TENGAH



SELANGOR

Shah Alam

Tingkat G, 1 & 2,
Corporate Tower IDCC Shah Alam,
Jalan Pahat L 15/L,
40200 Shah Alam, Selangor.

Petaling Jaya

Menara PJX HM Shah
Lot A & B, Tingkat G dan Tingkat 20,
No. 16A, Jalan Persiaran Barat,
46050 Petaling Jaya, Selangor.

Kajang

No. 1, Jalan Hentian 3,
Pusat Hentian Kajang, Jalan Reko,
43000 Kajang, Selangor.

Klang

Tingkat Bawah & 1, Unit B-G-1,
North Tower (Tower B),
BBT One The Towers,
Lebuh Batu Nilam 1,
Bandar Bukit Tinggi,
41200 Klang, Selangor.

Kwasa Damansara

Tingkat Bawah, Menara KWSP,
Persiaran Kwasa Utama,
Pusat Bandar Kwasa Damansara,
Seksyen U4,
40150 Shah Alam, Selangor.

Puchong

No. 3A,
The Prime @ Dataran Puchong,
Taman Puchong Utama,
47100 Puchong, Selangor.

Gombak

Lot 5, Sunway Batu Caves,
68100 Batu Caves, Selangor.

Rawang

No. 3S-10-G & 3S-10-1,
Rawang One,
Jalan Pintas Rawang,
48000 Rawang, Selangor.

Kuala Selangor

Tingkat GF & 1,
No. 1, Jalan Medan Niaga 6,
Medan Niaga,
45000 Kuala Selangor, Selangor.

WILAYAH
PERSEKUTUAN
KUALA
LUMPUR**Pejabat Wilayah Tengah**

Tingkat 9, Bangunan KWSP,
Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur.

Kuala Lumpur

Tingkat Bawah, Bangunan KWSP,
Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur.

Wangsa Maju

No. 32A, Dataran Wangsa,
Wangsa Melawati,
53300 Kuala Lumpur.

Kepong

No. 1 & 3,
Jalan Laman Rimbunan Raya 1,
Laman Rimbunan,
52100 Kepong, Kuala Lumpur.

Sri Petaling

No. 2, Jalan Radin Bagus 6,
Bandar Baru Sri Petaling,
57000 Kuala Lumpur.

WILAYAH UTARA



PERAK

Ipoh

Tingkat Bawah, 6, 7 & 8,
Bangunan KWSP,
Jalan Greentown,
30450 Ipoh, Perak.

Teluk Intan

No 23, Lorong Perwira M1/38,
Taman Nanas, Jalan Changkat Jong,
36000 Teluk Intan, Perak.

Taiping

No. 37 (GF-2) & No. 39 (GF),
Persiaran TBC, Taiping Business
Centre Jalan Tupai,
34000 Taiping, Perak.

Manjung

No. 260 & 261, Jalan PPMP 3/4,
Pusat Perniagaan Manjung Point 3,
32040 Seri Manjung, Perak.

Parit Buntar

No. 2 & 4, Jalan Wawasan 1,
Taman Wawasan Jaya,
34200 Parit Buntar, Perak.

Kuala Kangsar

Tingkat Bawah & 1,
No. 8B, Jalan Raja Chulan,
33000 Kuala Kangsar, Perak.

PULAU
PINANG**Pejabat Wilayah Utara**

Menara KWSP,
Pejabat Wilayah Utara, Tingkat 5,
38, Jalan Sultan Ahmad Shah,
10050 Georgetown, Pulau Pinang.

Seberang Jaya

Tingkat 1-5, Bangunan KWSP,
No. 3009, Off Lebuh Tenggiri 2,
Bandar Seberang Jaya,
13700 Prai, Pulau Pinang.

Georgetown

Tingkat 3 & 4, Menara KWSP,
No. 38, Jalan Sultan Ahmad Shah,
10050 Georgetown, Pulau Pinang.

Bayan Baru

Tingkat Bawah & Tingkat 1,
Blok F-2, Lorong Bayan Indah 1,
Bay Avenue,
11900 Bayan Baru, Pulau Pinang.

LOKASI OPERASI KWSP

2024



KEDAH

Alor Setar

Aras Bawah, Mezzanine, 8 & 9,
Bangunan KWSP Peladang,
No. 33, Jalan Sultan Badlishah,
05000 Alor Setar, Kedah.

Sungai Petani

Tingkat Bawah & 1, Wisma Keladi,
No. 11A, Jalan Bank,
08000 Sungai Petani, Kedah.

Kangar

Tingkat Bawah, Blok Podium,
Bangunan KWSP, Jalan Bukit Lagi,
01000 Kangar, Perlis.

Kulim

No. 33 & 34, Persiaran 7,
Kulim Avenue,
Kulim Hi -Tech Park,
09000 Kulim, Kedah.

Langkawi

No. 25 (GF-1), Langkawi City,
Mukim Kuah,
07000 Langkawi,
Kedah.

WILAYAH SELATAN



JOHOR

Pejabat Wilayah Selatan

Tingkat 11, Bangunan KWSP,
Jalan Dato' Dalam,
80888 Ibrahim International Business
District, Johor Bahru, Johor.

Johor Bahru

Tingkat 1 & 12-17, Bangunan KWSP,
Jalan Dato' Dalam,
80888 Ibrahim International Business
District, Johor Bahru, Johor.

Pasir Gudang

No. 36-40, Jalan Permas 15/1,
Bandar Baru Permas Jaya,
81750 Masai, Johor.

Batu Pahat

No. 6 & 8, Jalan Sulaiman,
83000 Batu Pahat, Johor.

Muar

Tingkat Bawah, 1, 2 & 3,
No. 9, Jalan Petrie,
84000 Muar, Johor.

Kluang

No. 8 & 10, Tingkat Bawah, 1 & 2,
Jalan Haji Manan,
86000 Kluang, Johor.

Kulai

No. 259 & 260,
Jalan Kenanga 29/8,
Indahpura, 81000 Kulai, Johor.

Segamat

No. 5 & 6, Jalan Genuang Perdana,
Taman Genuang Perdana,
85000 Segamat, Johor.

Mersing

Lot. No. 2, Tingkat Bawah, 1 & 2,
Bandar Tepian Sungai,
Jalan Jemaluang,
86800 Mersing, Johor.



MELAKA

Melaka

Bangunan KWSP,
Jalan MITC, Hang Tuah Jaya,
75450 Ayer Keroh,
Melaka Bandaraya Bersejarah.

Jasin

JC 538, Tingkat Bawah & 1,
Jalan Bestari 5,
Bandar Jasin Bestari Seksyen 2,
77200 Bemban, Melaka.

Alor Gajah

SP 34 & 34-1,
Jalan Sungai Petai Permai Utama 1,
Taman Sungai Petai Permai,
78000 Alor Gajah, Melaka.

NEGERI
SEMBILAN**Seremban**

No. 1, Jalan Dato' A.S. Dawood,
70100 Seremban, Negeri Sembilan.

Bahau

No. 4, 5 & 6, Jalan Kiara 1,
Pusat Perniagaan Kiara,
72100 Bahau, Negeri Sembilan.

Nilai

D'Nilai Convention Mall,
No. G-6 & M-6, PT 9946,
Jalan BBN 1/3F,
71800 Bandar Baru Nilai,
Negeri Sembilan.

LOKASI OPERASI KWSP

WILAYAH TIMUR



PAHANG

Pejabat Wilayah Timur

Tingkat 3, Bangunan KWSP Kuantan,
Persiaran KWSP,
Bandar Indera Mahkota,
25200 Kuantan, Pahang.

Kuantan

Pejabat KWSP Kuantan,
Bangunan KWSP Kuantan,
Persiaran KWSP,
Bandar Indera Mahkota,
25200 Kuantan, Pahang.

Raub

No. 79, Jalan Tun Razak,
27600 Raub, Pahang.

Temerloh

No. 128B(GF, 1F & 2F) &
No. 128A(GF),
Persiaran Damai 1, Damai Court,
28000 Temerloh, Pahang.

Jerantut

Tingkat Bawah, No. 1 & 2,
Lorong Wawasan 3,
Taman Wawasan,
27000 Jerantut, Pahang.

Pekan

Tingkat Bawah & Tingkat 1,
No. 10, Lorong Peramu Permai 1,
Taman Peramu Permai
26600 Pekan, Pahang.



TERENGGANU

Kuala Terengganu

Bangunan KWSP,
Jalan Kemajuan, Padang Hiliran,
21100 Kuala Terengganu,
Terengganu.

Kemaman

Tingkat Bawah & Tingkat 1,
PT 10720 & 10721,
Taman Cukai Utama, Fasa 4,
Jalan Kubang Kurus,
24000 Kemaman, Terengganu.

Dungun

Tingkat GF & 1,
Lot PT 15824 (Unit 22),
Sura Gate Commercial Centre,
Jalan Sura Jeti,
23000 Dungun, Terengganu.

Jerteh

Tingkat GF & 1,
Lot 226, Jalan Dato Kamaruddin,
22000 Jerteh, Terengganu.



KELANTAN

Kota Bharu

Tingkat 2, 3 & 5, Bangunan KWSP,
Jalan Padang Garong,
15000 Kota Bharu, Kelantan.

Tanah Merah

Lot 655, Jalan Hospital,
17500 Tanah Merah, Kelantan.

Kuala Krai

Lot PT 5556, Tingkat Bawah & 1,
Taman Yani,
18000 Kuala Krai, Kelantan.

LOKASI OPERASI KWSP

2024

WILAYAH SABAH



SABAH

Pejabat Wilayah Sabah

Tingkat 7, Beg Berkunci 2019,
Blok A, Bangunan KWSP, Lot 49,
Jalan Karamunsing,
88598 Kota Kinabalu, Sabah.

Kota Kinabalu

Blok A, Bangunan KWSP,
Beg Berkunci 2019,
88598 Kota Kinabalu, Sabah.

Keningau

Beg Berkunci 20, Jalan Masak,
89009 Keningau, Sabah.

Labuan

Tingkat Bawah, Lot E004,
Financial Park, Jalan Merdeka,
87000 Wilayah Persekutuan Labuan.

Lahad Datu

Bangunan KWSP, MDLD 3330,
Lot 65, Fajar Centre,
Jalan Segama, Peti Surat 61828,
91126 Lahad Datu, Sabah.

Tawau

Tingkat Bawah & 1,
TB 308, Blok 35,
Kompleks Fajar, Jalan Perbandaran,
91000 Tawau, Sabah.

Sandakan

Lot 3A & 5, Midtown Plaza,
Beg Berkunci 36, Jalan Lintas Utara,
90000 Sandakan, Sabah.

Kudat

Tingkat Bawah & Tingkat 1, Lot 1,
Blok G,
Jalan Mawar, Pekan Tomborungus,
89058 Kudat, Sabah.

Kota Marudu

Lot No. 2,
Taman WTK Fasa II,
Jalan Tandek,
89100 Kota Marudu, Sabah.

Beaufort

Tingkat GF & FF,
Unit No. A-005, Blok A,
Beaufort Square Avenue 2,
Jalan Binunuk,
89800 Beaufort, Sabah.

WILAYAH SARAWAK



SARAWAK

Pejabat Wilayah Sarawak

Tingkat 9, Bangunan KWSP Kuching,
Jalan Uplands, Beg Berkunci 2089,
93598 Kuching, Sarawak.

Kuching

Bangunan KWSP, Jalan Uplands,
Beg Berkunci 2089,
93598 Kuching, Sarawak.

Sibu

No. 10-12, Tingkat Bawah & 1,
Lorong Kampung Datu 5,
Jalan Kampung Datu,
96000 Sibu, Sarawak.

Miri

1255 & 1256,
Blok 10, MCLD Centre Point,
Jalan Melayu,
98000 Miri, Sarawak.

Bintulu

Blok E, Sublot 7,
Naim Bintulu Paragon,
No. 1, Old Airport Place,
97000 Bintulu, Sarawak.

Sri Aman

Tingkat Bawah & Tingkat 1,
Lot 654, Blok 3,
Daerah Bandar Simanggang,
Jalan Hospital,
95000 Sri Aman, Sarawak.

Sarikei

Tingkat GF & 1,
No. 5, Jalan Nenas,
96100 Sarikei, Sarawak.

Limbang

Lot 1565,
Tingkat Bawah & Tingkat 1,
Jalan Buangsiol,
98700 Limbang, Sarawak.

BAGAIMANA KWSP MENCIPTA NILAI

- KWSP kekal komited dalam usaha menambah nilai kepada semua pihak berkepentingan, menjadikan penciptaan nilai sebagai penunjuk utama kejayaan dan pengaruh kami. Berteraskan visi untuk memperkasa ahli demi masa hadapan yang lebih terjamin, KWSP terus memberikan nilai secara konsisten dalam jangka pendek, sederhana dan panjang. Dengan fokus utama terhadap persaraan yang bermaruah, KWSP terus memainkan peranan penting sebagai dana persaraan utama Malaysia, menjamin kesejahteraan dan keselamatan kewangan masa hadapan ahli serta menjana nilai kepada semua pihak berkepentingan termasuk ahli, pencarum, syarikat pelaburan dan rakan strategik lain.

Sepanjang tahun 2024, KWSP meneruskan perjalanan penciptaan nilai yang dipacu oleh pelaksanaan inisiatif strategik seperti yang digariskan dalam Pelan Boleh Ubah Tiga Tahun. Rancangan ini disemak dan diluluskan secara tahunan oleh Lembaga KWSP bagi memastikan kesesuaian dan keberkesanan pelaksanaannya. Inisiatif yang diterajui oleh Pengurusan Kanan dan dilaksanakan merentasi semua bahagian ini dirangka untuk mengoptimumkan nilai kepada pihak berkepentingan sejajar dengan lima (5) hasil strategik utama (ACE-YT).

SASARAN UMUM KWSP



Meningkatkan kecukupan simpanan ahli dengan lebih **50%** ahli sektor formal aktif mencapai Simpanan Asas mengikut umur



Memperluas keahlian kepada lebih **60%** tenaga kerja sektor formal dan tidak formal



Berusaha untuk mencapai Skor Promoter Bersih (NPS) melebihi **50%**, bagi mencerminkan tahap kepuasan ahli yang tinggi



Mencapai kadar campuran dividen sebenar bagi SK-SS Pelan Boleh Ubah 3 Tahun yang melebihi **2.0%**



KWSP berusaha untuk memperkukuh keyakinan pihak berkepentingan dengan Skor Kepercayaan melebihi **75%** menjelang 2030

Nota: Sasaran ini merujuk kepada Sasaran Umum bagi tahun 2030

Bagi meningkatkan simpanan ahli, KWSP fokus menggalakkan penyertaan Caruman Sukarela, Caruman Melebihi Kadar Berkanun serta mempromosikan produk seperti i-Sayang untuk menyokong keselamatan pendapatan persaraan ahli dan keluarga. Dalam usaha memperluas keahlian dan jangkauan, KWSP menasaskan untuk meningkatkan liputan sektor tidak formal melalui program kesedaran dan kerjasama strategik dengan badan kawal selia, persatuan serta platform gig.

Penambahbaikan keterlibatan ahli merangkumi usaha untuk mempertingkatkan pengalaman pelanggan melalui inovasi perkhidmatan, termasuk penambahbaikan taraf Employer Interactive Portal (EIP), pelaksanaan eKYC, HR Digital serta penggunaan Terminal Layan Diri (SST) bagi meningkatkan tahap aksesibiliti dan kemudahan perkhidmatan. Bagi mengoptimumkan pulangan pelaburan, KWSP melaksanakan mandat Ekuiti Persendirian Syariah dan mandat pelaburan strategik bagi pertumbuhan mampan jangka panjang.

BAGAIMANA KWSP MENCIPTA NILAI

2024

Usaha memperkukuh keyakinan pihak berkepentingan merangkumi penglibatan proaktif dengan badan kerajaan, kesatuan sekerja, agensi dan pihak berkepentingan utama. Ini termasuk memperjuangkan perlindungan sosial melalui kepimpinan pemikiran bebas, menggalakkan aktivisme ahli dan pihak berkepentingan dalam memacu literasi kewangan dan reformasi dasar, serta memperkukuh penjenamaan KWSP, kelestarian perusahaan dan daya tahan keselamatan siber.

Enam (6) modal penciptaan nilai KWSP merangkumi Modal Kewangan, Modal Insan, Modal Pembuatan, Modal Intelektual, Modal Semula Jadi, serta Modal Sosial dan Hubungan. Pada tahun 2024, KWSP meneruskan transformasi ke arah kelestarian perusahaan menyeluruh dengan mengintegrasikan prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dalam proses membuat keputusan, bagi memastikan penciptaan nilai melangkaui pulangan kewangan untuk menjana impak ekonomi, alam sekitar dan sosial yang positif.

Antara inisiatif utama dalam kelestarian termasuklah Polisi Tadbir Urus Pelaburan Lestari KWSP dan Pelan Kelestarian Organisasi. Polisi Tadbir Urus Pelaburan Lestari KWSP merupakan dasar pemantauan pelaburan mampan pertama oleh pelabur institusi Malaysia yang menetapkan amalan terbaik untuk kelestarian dalam kalangan syarikat pelaburan dan pengurus dana luar. Pelan Kelestarian Organisasi pula ditubuhkan pada Februari 2024 bagi menyediakan rangka kerja berstruktur dan garis panduan jangka panjang dalam melaksanakan kelestarian di seluruh operasi KWSP.

ENAM MODAL PENCIPTAAN NILAI KWSP

Penciptaan nilai KWSP terletak pada enam (6) modal asas, setiap satu mewakili asas penciptaan nilai yang penting untuk memberi manfaat kepada pihak berkepentingan dari semasa ke semasa. Modal-modal ini merupakan input penting yang memacu aktiviti perniagaan kami, berubah menjadi output dan hasil yang mendorong penciptaan nilai yang mampan.

MK Modal Kewangan

MP Modal Pembuatan

MSJ Modal Semula Jadi

MI Modal Insan

MIT Modal Intelektual

SH Modal Sosial dan Hubungan



**BERFOKUSKAN
KEWANGAN**



**ALAM SEKITAR,
SOSIAL DAN
TADBIR URUS**



**KEPRIHATINAN DAN
KEPENTINGAN PIHAK
BERKEPENTINGAN**

MODEL PENCIPTAAN NILAI KWSP

TADBIR URUS



BERPANDUKAN **TUJUAN KAMI** UNTUK MEMBINA MASA HADAPAN PERSARAAN YANG LEBIH BAIK UNTUK MALAYSIA, DIDORONG OLEH **MISI KAMI** UNTUK MEMBANTU AHLI MENCAPAI PENDAPATAN PERSARAAN YANG SELESA

INPUT

MK

MODAL KEWANGAN

- **RM108.22 bilion** jumlah caruman keseluruhan
- Pulangan dan pendapatan pelaburan

MI

MODAL INSAN

- **5,743** pekerja
- **679** pelatih dan protégé
- **RM1.41 bilion** jumlah perbelanjaan kakitangan
- **RM10.82 juta** dilaburkan dalam pembelajaran dan pembangunan kakitangan
- **380** program pembelajaran dilaksanakan
- Lebih **8,500** kursus dalam talian ditawarkan
- Manfaat yang kompetitif

MP

MODAL PEMBUATAN

- **69** cawangan, 10 Mobile KWSP, 6 wilayah di seluruh Malaysia
- **277** unit Terminal Layan Diri (SST)
 - 205 unit SST Tetap dan 72 unit SST Mudah Alih
- **256** unit Terminal Pembayaran
 - 205 unit Terminal Mudah Alih dan 51 unit Terminal SST

SH

MODAL SOSIAL DAN HUBUNGAN

- **16.22 juta** ahli
- **8.78 juta** ahli aktif
- **614,563** majikan
- Kod Tatakelakuan Pembekal (SCOC)

MIT

MODAL INTELLEKTUAL

- Pelan Boleh Ubah Tiga Tahun KWSP (3YRP) 2024-2026
- Platform digital untuk menawarkan produk dan perkhidmatan KWSP melalui:
 - Aplikasi mudah alih KWSP i-Akaun dan portal web i-Akaun (Ahli) untuk ahli
 - Portal web i-Akaun (Majikan) dan aplikasi mudah alih e-Caruman untuk majikan
 - i-Akaun (Rakan Perniagaan) untuk rakan niaga
 - Pembayaran melalui Terminal Kad Debit di seluruh negara melalui SST
- Strategi utama yang digariskan dalam Digitalisasi KWSP 2025 kekal relevan dan selaras dengan aspirasi KWSP bagi mencapai matlamat sebagai KWSP Digital

MSJ

MODAL SEMULA JADI

- Penilaian Kelestarian dilaksanakan bagi semua cadangan pelaburan baharu
- Inisiatif pendigitalan, terutama melalui aplikasi mudah alih dan Terminal SST, menawarkan manfaat besar kepada alam sekitar berbanding lawatan secara fizikal ke cawangan. Dengan mengurangkan keperluan perjalanan, mempermudah proses, dan meningkatkan kecekapan secara keseluruhan, penyelesaian ini memainkan peranan penting dalam membentuk masa hadapan yang lebih lestari

AKTIVITI PERNIAGAAN DAN PROSES

FAKTOR LUAR YANG MEMBERI KESAN KEPADA KWSP

Keadaan Ekonomi & Pasaran

Populasi Menua

Perubahan Landskap Pekerjaan

Kepesatan Kemajuan Teknologi

Fokus kepada ESG & Pelaburan Lestari

STRATEGI 3YRP 2024-2026

Pembangunan Modal Insan

Ketahanan Pelaburan

Penerapan Kelestarian

Berfokuskan Pelanggan

Kecekapan Operasi & Perniagaan

Kesejahteraan Persaraan

Pengupayaan Digital

PERKARA MATERIAL

➤ PENGURUSAN RISIKO ➤



DISOKONG OLEH **NILAI KAMI**: PROGRESIF, EMPATI, KERJASAMA DAN INTEGRITI

OUTPUT

- **RM75.18 bilion** jumlah pendapatan pelaburan kasar
- **RM1,252.69 bilion** jumlah aset
- **RM0.22** kos bagi setiap aset di bawah pengurusan (bagi RM100)
- **2.73%** jumlah perbelanjaan ke atas jumlah pendapatan
- **RM68.28 bilion** pengeluaran dan pengembalian
- **6.66%** pulangan atas pelaburan

- **439** lantikan baharu
- **34.21%** perwakilan wanita di peringkat Pengurusan Kanan
- **57.71%** kakitangan wanita
- **81** Pegawai Khidmat Nasihat Pelanggan yang terlatih dan mempunyai kelayakan dalam bidang perancangan kewangan dan persaraan
- **351,818** jam latihan direkodkan

- **2.12 juta** interaksi pelanggan di kaunter
- **3.69 juta** ahli menggunakan SST
- **7.57 juta** transaksi melalui SST
- **120,523** ahli menggunakan terminal pembayaran
- **RM105.29 juta** jumlah caruman melalui terminal pembayaran

- **1.12:1** nisbah ahli lelaki berbanding wanita
- **3.06 juta** ahli mencapai simpanan asas mengikut umur
- **242,827** ahli menerima nasihat kewangan daripada pegawai RA
 - **5,020** sesi Khidmat Nasihat Pelanggan secara bersemuka
 - **4,741** Program Literasi Kewangan (kempen secara bersasar dan menyeluruh)
- **837** pembekal baharu telah berdaftar dan bersetuju untuk mematuhi SCOC

- Dana persaraan **ke-13** terbesar di dunia, dan yang ke-5 di Asia (setakat September 2024)
- **18.96 juta** transaksi ahli (portal web dan aplikasi mudah alih)
- **15.89 juta** transaksi majikan (portal web dan aplikasi mudah alih)
- **5.35 juta** purata Pengguna Aktif Bulanan (MAU) bagi i-Akaun ahli (portal web dan aplikasi mudah alih)
- **92.9 juta** jumlah lawatan ke laman web KWSP
- **1.02 juta** ahli berdaftar dengan i-Akaun
- **71,471** majikan berdaftar dengan i-Akaun
- **544,625** majikan menggunakan e-Pembayaran
- **543,206** majikan menggunakan e-Borang

- **145** penilaian kelestarian telah dilaksanakan bagi cadangan pelaburan

HASIL

- S1 AHLI**
- Pelancaran Laman Web Rasmi KWSP dan Portal i-Akaun (Ahli) yang baharu
 - Menyediakan kandungan yang lebih interaktif, reka bentuk mesra pengguna, serta navigasi yang lancar dan intuitif bagi meningkatkan pengalaman digital ahli
 - Penambahbaikan aplikasi KWSP i-Akaun
 - Ciri-ciri baharu merangkumi pelbagai pilihan pengeluaran, kalkulator perancangan persaraan, serta butang pemberitahuan
 - **93%** skor kepuasan pelanggan
 - Kadar dividen: **6.30%** (Simpanan Konvensional) dan **6.30%** (Simpanan Syariah)
 - **RM63.05 bilion** bayaran dividen bagi Simpanan Konvensional
 - **RM10.19 bilion** bayaran dividen bagi Simpanan Syariah
 - **RM68.18 bilion** jumlah pengeluaran tanpa pengembalian
 - **RM842.75 juta** pengeluaran pendidikan
 - **RM4.08 bilion** pengeluaran perumahan
 - **RM83.40 juta** pengeluaran kesihatan
 - **RM30.22 bilion** pengeluaran persaraan oleh individu yang berumur 55 dan 60 tahun
- S2 LEMBAGA, PANEL PELABURAN & JAWATANKUASA PENASIHAT SHARIAH**
- **14** mesyuarat Ahli Lembaga KWSP
 - **19** mesyuarat Panel Pelaburan
 - **15** mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Syariah
- S3 KERAJAAN & BADAN KAWAL SELIA**
- Memperkukuh dasar dan penawaran KWSP bagi meningkatkan daya tahan kewangan serta menjamin keselamatan persaraan ahli
 - Menerajui usaha perlindungan sosial melalui pelaksanaan dasar berimpak tinggi serta kerjasama strategik yang kukuh bersama kerajaan
 - Melindungi simpanan ahli dengan mempertingkatkan strategi pelaburan dan memastikan perkembangan aset yang mampan
 - Menyokong pembangunan negara melalui pelaburan strategik yang memacu daya tahan ekonomi
- S4 MAJIKAN**
- Penambahbaikan portal web i-Akaun (Majikan)
 - Menambahbaik Borang A dan e-CTML
 - Pelarasan siling had gaji SOCSO/SIP
 - Penambahbaikan ciri e-Payroll termasuk potongan cukai dan penyelarasan fail caruman
 - Notifikasi *pop-up* untuk ahli berumur lebih 75 tahun
- S5 KAKITANGAN**
- Purata **16 tahun perkhidmatan**
 - Peluang untuk meningkatkan kemahiran dan membina keupayaan dengan purata **66 jam latihan setahun bagi setiap kakitangan**
 - Persekitaran kerja yang kondusif
 - **3.57%** kadar keluar masuk pekerja
 - **91%** tahap penglibatan pekerja
 - **95%** skor kepuasan pekerja
- S6 SYARIKAT PENERIMA PELABURAN**
- Menghadiri dan melaksanakan hak mengundi dengan penuh tanggungjawab dalam **86 Mesyuarat Agung Tahunan** dan **13 Mesyuarat Agung Luar Biasa** syarikat penerima pelaburan
 - Menyediakan sumber pendanaan dan modal
- S7 RAKAN NIAGA**
- **Tiada insiden** ketidakpatuhan yang direkodkan dalam rantaian bekalan terhadap kriteria alam sekitar dan sosial yang ditetapkan oleh KWSP
 - **RM266.15 juta (75%)** daripada bajet perolehan digunakan untuk pembekal tempatan
- S8 KOMUNITI TEMPATAN**
- Bekerjasama dengan Jaringan Pendidikan Kewangan (FEN), iaitu sebuah platform antara agensi, bagi membangunkan dan melaksanakan inisiatif literasi kewangan sebagai usaha meningkatkan tahap literasi kewangan di Malaysia
 - Menganjurkan pelancaran Bulan Literasi Kewangan dan Simposium Literasi Kewangan Kebangsaan dengan kerjasama Bank Negara Malaysia (BNM) dan FEN untuk mendorong perbincangan dan perkongsian pandangan mengenai penyelesaian inovatif dalam memajukan agenda literasi kewangan di Malaysia
 - Mempromosikan perlindungan sosial di peringkat global melalui penganjuran Persidangan Kesejahteraan Sosial Antarabangsa (ISWC) serta penerbitan The Social Protection Insight
 - Menyertai lebih daripada 34 sesi libat urus luar sebagai penceramah, dengan penglibatan dalam perbincangan berkaitan perlindungan sosial dan keselamatan pendapatan persaraan

➤ PENGLIBATAN PIHAK BERKEPENTINGAN ➤